

---

**SENARAI MANFAAT BANTUAN SUMBANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH  
YAYASAN KEBAJIKAN JURUKUR TANAH BERDAFTAR (YAYASAN)  
KEPADA JURUKUR TANAH BERDAFTAR**

---

❖ **MAKLUMAT JTB ADALAH BERDASARKAN REKOD YANG DIDAFTARKAN DI LJT.**

**Manfaat Sumbangan Yang Disediakan :-**

**1. SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN (BENEVOLENT FUND) JURUKUR TANAH BERDAFTAR (JTB) YANG MENINGGAL DUNIA**

- Diperuntukkan kepada waris JTB yang telah meninggal dunia (semakan nama JTB didalam rekod LJT). **Borang Maklumat JTB.**
- Penerima sumbangan adalah penama / waris yang telah didaftarkan oleh JTB dalam rekod Yayasan Kebajikan Jurukur Tanah Berdaftar.
- Waris perlu mengemukakan sijil / laporan kematian.
- Peruntukkan sumbangan berjumlah **\*RM100,000.00.**  
**(Nota: \* Jumlah berubah tertakluk kepada sebarang pindaan/kelulusan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa)**
- Sebarang perubahan kepada peruntukan sumbangan sekiranya ada akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

**2. SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN KEPADA JTB ATAS KEMATIAN ISTERI / SUAMI MENINGGAL DUNIA**

- Diperuntukkan kepada JTB yang pasangan mereka (suami / isteri) yang telah meninggal dunia sepertimana yang didaftarkan di dalam rekod penama / waris. **Borang Maklumat JTB.**
- JTB adalah sebagai penerima sumbangan.
- JTB perlu mengemukakan sijil / laporan kematian isteri / suami.
- Peruntukan sumbangan adalah berjumlah **\*RM10,000.00.**
  - **(Nota: \* Jumlah berubah tertakluk kepada sebarang pindaan/kelulusan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa)**
- Sebarang perubahan kepada peruntukan sumbangan sekiranya ada akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- **Sumbangan khairat kematian isteri / suami JTB hanya akan diberikan SEKALI SAHAJA seumur hidup.**

---

### 3. SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN INSENTIF RAWATAN KESIHATAN KEPADA JTB

- Diperuntukkan kepada JTB yang memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai rawatan kesihatan susulan akibat mengidap penyakit kronik dan serius atau menghadapi penyakit kritikal yang boleh dipertimbangkan oleh Yayasan Kebajikan Jurukur Tanah Berdaftar (Yayasan).
- Peruntukan sumbangan adalah **maksimum sehingga 50% daripada jumlah penuh atau tertakluk kepada baki peruntukan sumbangan khairat kematian yang ada.**
- Bayaran akan ditolak daripada jumlah peruntukan sumbangan khairat kematian yang JTB itu layak menerimanya.
- JTB perlu mengemukakan surat perakuan / pengesahan oleh pegawai / pakar perubatan beserta dokumen kewangan (*bil rawatan, resit, invois, sebut harga dan sebagainya*) sebagai dokumen sokongan berkaitan dengan rawatan penyakit yang dihadapi daripada pihak hospital. **Borang YKJTB/002.**
- Sebarang makluman tambahan berkaitan yang diperlukan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

### 4. SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN INSENTIF RAWATAN KESIHATAN KEPADA SUAMI / ISTERI / ANAK JTB

- Diperuntukkan kepada Suami / Isteri / Anak JTB yang memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai rawatan kesihatan susulan akibat mengidap penyakit kronik dan serius atau menghadapi penyakit kritikal yang boleh dipertimbangkan oleh Yayasan Kebajikan Jurukur Tanah Berdaftar (Yayasan).
- Peruntukan sumbangan adalah **tidak melebihi 20%** atau **tertakluk kepada baki peruntukan sumbangan khairat kematian yang ada.**
- Bayaran akan ditolak daripada jumlah penuh peruntukan kematian yang JTB itu layak menerimanya.
- JTB perlu mengemukakan surat perakuan / pengesahan oleh pegawai / pakar perubatan beserta dokumen kewangan (*bil rawatan, resit, invois, sebut harga dan sebagainya*) sebagai dokumen sokongan berkaitan dengan rawatan penyakit yang dihadapi daripada pihak hospital. **Borang YKJTB/003.**
- Sebarang makluman tambahan berkaitan yang diperlukan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

---

5. **SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN MEMBIAYAI KOS MELANJUTKAN PELAJARAN ANAK / KAKITANGAN JTB DI IPTA / IPTS DAN UNTUK MEMBANTU MANA-MANA IPTA/IPTS BAGI MEMBIAYAI KOS PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR YANG MEMERLUKAN**

- Diperuntukkan kepada JTB yang memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai kos pembelajaran anak / kakitangan bagi melanjutkan pelajaran di IPTA / IPTS (*keutamaan diberikan kepada yang ingin melanjutkan pelajaran di Kolej Geospatial Science Technology*) ; **DAN**
- Kepada JTB yang ingin / berhasrat membantu mana-mana IPTA/IPTS yang memerlukan bantuan kewangan untuk membiayai kos pembelajaran pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan; keutamaan diberikan kepada Kolej Geospatial Science Technology.
- Peruntukan sumbangan adalah **tidak melebihi 30%** atau **tertakluk kepada baki peruntukan sumbangan khairat kematian yang ada.**
- Bayaran akan ditolak daripada jumlah penuh peruntukan kematian yang JTB itu layak menerimanya.
- JTB perlu mengemukakan bukti dokumen sokongan berkaitan dengan permohonan pendaftaran kemasukan anak / kakitangan ke IPTA / IPTS.
  - **Borang YKJTB/004** (*bagi membiayai kos melanjutkan pelajaran anak / kakitangan JTB di IPTA / IPTS*) ; **DAN**
  - **Borang YKJTB/005** (*bagi membantu mana-mana IPTA/IPTS bagi membiayai kos pembelajaran pelajar-pelajar yang memerlukan*).
- Sebarang maklumat tambahan berkaitan yang diperlukan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

6. **SUMBANGAN KEBAJIKAN UNTUK BANTUAN BENCANA / BANTUAN KHAS KEPADA JTB**

i) **Bantuan Bencana**

- Bantuan sumbangan seperti bantuan bencana kepada JTB turut boleh dipertimbangkan mengikut pertimbangan kelulusan Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Jurukur Tanah Berdaftar (Yayasan).
- Bantuan Bencana termasuk akibat kecederaan, kemalangan, kebakaran, mangsa banjir dan lain-lain yang berkaitan.
- **Borang YKJTB/006**

---

ii) **Bantuan Khas**

- Bantuan sumbangan Khas kepada JTB turut boleh dipertimbangkan dan kelulusan Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Jurukur Tanah Berdaftar (Yayasan).
- Bantuan Khas seperti sumbangan kewangan untuk membiayai kos membawa pulang jenazah (sekiranya meninggal dunia di luar negeri / negara), membiayai kos pengkebumian dan kos majlis keagamaan selepas kematian.
- Bayaran pengangkutan membawa pulang jenazah, membiayai kos pengkebumian dan kos majlis keagamaan selepas kematian hendaklah dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit.
- **Borang YKJTB/ 007**